

UM 24 JUL 2003

Rakyat kaya dig&a bantu perubatan penduduk miskin

PETALING JAYA 23 Julai — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menggesa rakyat **negara ini** terutama golongan **kaya terus** membantu **penduduk miskin** mendapatkan rawatan terbaik **bagi** mengubati penyakit kritikal termasuk **barah hati**.

Menurut **Perdana Menteri**, untuk mendapatkan rawatan yang baik **pada masa ini adalah mahal** dan golongan miskin tidak **harus dipinggirkan** daripada mendapat rawatan terbaik.

“Kesvujudan Yayasan **Hepar Malaysia** merupakan **cara** terbaik dalam membantu golongan miskin **dalam** mendapatkan rawatan yang baik.

“**Pada masa ini banyak** terdapat golongan miskin walaupun di negara-negara maju dan oleh itu sumbangan orang ramai adalah penting dalam memastikan mereka mendapat rawatan terbaik.” katanya semasa berucap **pada** Majlis Makan Malam Yayasan **Hepar Malaysia** di Hotel Sunway Lagoon Resort di **sini malam ini**.

Pada majlis itu, Dr. Mahathir menerima **sumbangan RM450,000** iaitu **RM250,000** dari **Kumpulan Sunway** dan **RM100,000** masing-masing dari Yayasan **Emkay** dan Syarikat **LFSB-KLSB JV**.

Mendidik

Turut hadir ialah isteri **Perdana Menteri** Datin Seri Dr. **Siti Hasmah Mohamad Ali**, Menteri **Kesihatan**, Datuk Chua Jui Meng dan Menteri **Perpaduan Negara** dan **Pembangunan Masyarakat**, Datuk Dr. **Siti Zaharah Sulaiman**.

Dr. Mahathir memuji rakyat Malaysia kerana tidak pernah **gagal** untuk **memberi** bantuan **kepada** golongan miskin yang memerlukan bantuan **untuk menampung** kos perubatan **bagi** penyakit **kritikal**.

Perdana Menteri **juga** meminta yayasan itu **cepat** mendidik pesakit-pesakit dan orang ramai **tentang** penyakit **barah hati**.

“Yayasan **Hepar** **juga** perlu membantu **para** penyelidik menjalnskan penyelidikan dan **mema-****hami** mekanisme penyakit **barah hati** serta **mem-****perkenalkan** **cara-cara** diagnostik dan inovatif serta strategi rawatan berkesan **bagi** mengubati-nya,” ujanya.

Sementara itu dalam buku cenderamata **sempe-****na** majlis itu, Dr. Mahathir berkata, 80 peratus pesakit **barah hati** datang terlalu lewat untuk mendapatkan rawatan.

Ini kerana, **menurut** beliau, mereka tidak **sedar** yang mereka menghidap penyakit itu disebabkan gejala awal tidak dapat **dikesan** **bagi** sesetengah kes **manakala** yang lain tidak mendapat nasihat yang betul atau tidak menghiraukannya.

Sehubungan itu, beliau yang **juga** penaung yayasan itu menggesa agar **pakar-pakar** **perubat-****an** dan sukarelawan dapat mengembleng tenaga untuk menangani penyakit **barah hati** tersebut.